

## KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 25 JUN 2018

**40 GPS**  
GPS  
Jurnal Pendidikan dan Pelajaran Sekolah  
**BESTARI**  
Edisi Negeri

ISNIN 25 JUN 2018 • SINAR HARIAN

[www.gpsbestari.com](http://www.gpsbestari.com) [facebook.com/gpsbestari](https://facebook.com/gpsbestari) [@gpsbestari](https://gpsbestari) [@gpsbestari](https://@gpsbestari)



Pelajar SMK Bandar Banting yang menjadi tulang belakang menjayakan Lawatan Perkongsian Pendidikan.



Murid dan guru SD Muhammadiyah 26 diiringi masuk dengan bunga manggar dan gubahan bunga telur yang melambangkan budaya Melayu.

# Dikunjungi sekolah negara jiran

## SMK Bandar Banting promosi destinasi pelancongan pendidikan bagi Kuala Langat

AIMI ATHIRAH AMIN

**BANTING** - Bagi mempromosikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Banting sebagai destinasi pelancongan pendidikan pihak sekolah menerima kunjungan Sekolah Dasar (SD) Muhammadiyah 26, Surabaya (SDM).  
Penyelaras program, Mohd Faathir Mohamad Sulong berkata, selain merapatkan hubungan antara dua negara, program yang dinamakan Lawatan Perkongsian Pendidikan itu turut bertujuan bertukar pandangan dan berkongsi ilmu.

"Seramai 120 guru dan 200 murid terlibat dalam menjayakan lawatan ini yang dirasmikan wakil Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Langat, Maimunah Mustaffa.

"Pelbagai aktiviti yang disajikan kepada rombongan pelawat antaranya mencanting batik, petanque, kaligrafi Cina, memanah dan cara pembuatan wau," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pelancongan Koperasi Sekolah (PKSS SMKBB) berkata, persembahan silat, silambang, robotik, tarian kipas, tarian tradisional India dan dikir barat daripada pelajar SMK Bandar Banting turut dipersembahkan bagi memperkenalkan kepelbagaiannya budaya masyarakat negara ini.

Sementara itu, Pengetua Siti Asnah Ahmad berkata, sambutan program berkenaan amat menggalakkan apabila PPD, pelajar dan PIBG turut sama memberi sokongan.

"Program seperti ini boleh diteruskan lagi kerana dapat mempromosi keutamaan di sekolah khususnya di Daerah Kuala Langat.

"Program ini menjadi platform perkongsian budaya antara dua negara serumpun dan dapat berkongsi pengalaman serta ilmu dengan sekolah negara jiran," katanya.



Pelajar SMK Bandar Banting, Nurul Amalina Suharyo Fadhill (kiri) dan Johan Jamil Abdullah (kanan) bersama murid SD Muhammadiyah 26.



Asnah (kanan) menyampaikan cenderamata kepada wakil PPD yang turut hadir, Abdul Hamid Asanar (kiri).



Johan Jamil Abdullah menunjukkan cara pembuatan wau.



Persembahan dikir barat daripada pelajar SMK Bandar Banting.



Pelajar yang terlibat dalam persembahan silat.

**Note:** Bagi melihat lebih banyak gambar, sila ke [www.gpsbestari.com](http://www.gpsbestari.com)